

# Penerbit @ UTeM

BILANGAN 2 / FEBRUARI 2010



MEREALISASIKAN  
**PENERBITAN ILMIAH**  
di UTeM

**Cabaran Jurnal UTeM**  
ke peringkat **ANTARABNGSA**

**SKT** penanda aras bagi  
staf penerbit universiti

Z  
284  
.P46  
2010  
a  
Feb  
no.2

**KAMERA MCP**  
(production)





mukasurat 2: kata-kata aluan pengarah penerbit mukasurat 3: merealisasikan penerbitan ilmiah di utem mukasurat 4: cabaran jurnal utem ke peringkat antarabangsa. pengurusan latihan oleh penerbit universiti mukasurat 5: skt penanda aras kerja bagi staf penerbit universiti. penerbit utem mulakan klinik tesis/modul ke buku mukasurat 6: program rekreasi bersama naib canselor utem. pbakl 2009 hangat. penerbit universiti miliki bangunan sendiri mukasurat 7: majlis anjung bitara; kerjasama erat antara penerbit universiti dan mubarak negeri melaka. penerbit utem anjurkan bengkel penulisan modul 1/2009 mukasurat 8-9: program khidmat masyarakat mukasurat 10: bengkel jati diri, teambuilding & hari keluarga penerbit universiti mukasurat 11: usaha penerbit utem dalam memartabatkan penulisan ilmiah. perkongsian pintar antara penerbit utem dan penerbit usm. bengkel penulisan monograf dapat sambutan daripada organisasi luar. kursus penulisan artikel jurnal mendapat perhatian mukasurat 12: pesta buku antarabangsa frankfurt, jerman. taklimat scopus (journal selection and indexing) anjuran penerbit utem mukasurat 13: sambutan hari raya utem meriah. majlis hari jadi dan majlis perpisahan staf mukasurat 14: selamat datang staf baru penerbit utem mukasurat 15: bengkel pengendalian kamera mcp (multiple camera production). bengkel reka letak dan reka bentuk grafik 2009 mukasurat 16: sidang redaksi buletin

KATA-KATA  
ALUAN

Z284 .P46 2010 Feb no.2



87516479

Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan MKCH)	No. Panggilan
40311	Z 284.76 2010 9 Feb no.2
Tarikh	
16 DEC 2010	

## Menginovasikan penerbitan UTeM

Salam dan selamat sejahtera kepada semua staff UTeM yang budiman. Alhamdulillah ruangan ini dapat saya manfaatkan bagi melahirkan hasrat murni dalam memartabatkan dan melonjakkan penerbitan UTeM dipersada buku peringkat nasional dan dunia. Syukur dan terimakasih saya kepada semua staf dan Pengurusan tertinggi UTeM yang telah menyokong Penerbit sehingga telah mendorong penerbitan tahun 2009 mencapai statistik melebihi jangkauan iaitu 57 Penerbitan termasuk buku karya asli, monograp, karya suntingan, modul, dan jurnal. Tanpa sokongan dan kepercayaan ini sudah pasti Penerbit tidak akan berjaya mencapai KPI yang dihasratkan. Dengan rendah hati rasa syukur saya panjatkan kepada Illahi. Harapan saya saudara-saudari terus menyokong Penerbit melalui penerbitan bahan ilmiah bersama kami. Syabas kepada semua penulis yang berani mengorak langkah kearah penerbitan penulisan ilmiah.

Mengimbuai sejenak akan amanat di Majlis Perutusan Naib Canselor 2010 baru-baru ini, saya terpanggil atas ajakan untuk "Think big!" dan ajakan inovasi dalam mencapai kegemilangan oleh Yg. Berbahagia Datuk Profesor Dr. Ahmad Yusoff, Naib Canselor UTeM. Bidang penerbitan dan percetakan buku merupakan industri lama dijalankan sejak zaman penemuan kertas lagi. Namun begitu, inovasi yang berteraskan teknologi telah mengubah sesuatu yang berbentuk tradisional kepada penerbitan moden hingga ke era teknologi maklumat dimana buku diterbitkan secara online atau e-buku.

Buku pada hari ini boleh dibaca bukan seaja melalui buku bercetak malahan melalui komputer, Mac, Ipad, talifon bergerak dan berbagai gajet elektronik lain. Melihat kepada perkembangan ini, maka Penerbit merasakan bahawa kita juga harus bergerak kearah teknologi penerbitan dan pemasaran buku secara yang lebih dinamik iaitu dengan penggunaan elektronik dan maya. Jika kita menolak inovasi penerbitan ini maka jelas sekali kita akan ketinggalan dari arus perdana penerbitan buku global.

Liputan luas media elektronik ini akan memberi kekuatan kepada Penerbit dalam memasarkan buku-buku saudara-saudari sekalian tanpa bimbang terhadap orang tengah yang selalunya mengambil potongan jualan sehingga 60peratus dimana ini akan merugikan sektor penerbitan ilmiah. Penerbit telah membangunkan system pembelian online dan e-katalog bagi tujuan ini. Aspek perundangan sedang disemak oleh Bahagian Perundangan, UTeM. Semoga system ini dapat direalisasikan penggunaannya pada 2010 ini. Dengan itu, promosi tentang hasil penulisan saudara-saudari akan lebih dinamik dan inovatif. Akhirkita, selamat menulis dan berkarya.

**Dr. Hazmilah binti Hasan**  
Pengarah Penerbit  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka





Di abad ke 21 seluruh masyarakat perlu berpengetahuan, kreatif, inovatif dan peka terhadap perubahan. Untuk menghadapi cabaran ini dan memastikan negara mampu bersaing di persada antarabangsa, aktiviti penyelidikan dan pembangunan merupakan agen perubahan dan pertumbuhan sosio-ekonomi perlu ditekankan serta hasilnya perlu dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat. Matlamat ini dapat dicapai jika semua hasil penyelidikan dan pembangunan diterbitkan dan disebarluaskan ke segenap lapisan masyarakat. Secara tidak langsung aktiviti ini akan memperkasakan penerbitan ilmiah negara yang pada ketika ini agak kurang berbanding negara maju (Arifin Samsuri, 2006).

Penulisan dan penerbitan merupakan salah satu cara untuk berkomunikasi dan menyebar luaskan idea baru dan hasil dari penyelidikan yang akhirnya menjurus kepada kemajuan pengetahuan. Penerbitan juga digunakan sebagai salah satu pengukur prestasi para akademik dan institusi yang terbabit, bergantung kepada jenis dan bilangan yang berkaitan. Jenis-jenis penerbitan merangkumi Karya Asli, Jurnal, Modul dan Prosiding.

Cabaran penerbitan ilmiah merupakan suatu cabaran buat universiti yang baru ditubuhkan. Di samping terlibat dalam usaha untuk memantapkan struktur organisasi pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, UTeM juga menyedari bahawa harus wujud keseimbangan dalam penghasilan produk yang berbentuk tulisan ilmiah atau akademik. Penghasilan produk jenis ini boleh membuktikan bahawa UTeM adalah salah satu penyumbang hasil idea yang boleh dikongsi bersama. Berdasarkan pentingnya peranan ini, Penerbit UTeM yang kini baru berusia enam tahun telah mengorak langkah untuk sama ke depan bagi merealisasikan penerbitan buku ilmiah.

Statistik dalam Carta 1 di bawah jelas menunjukkan bahawa penerbitan buku di Penerbit UTeM yang diambil kira bermula pada tahun 2004 telah meningkat sehingga tahun 2009. Oleh kerana perolehan manuskrip yang sedikit dalam tahun 2004-2007 telah menyebabkan jumlah penerbitan buku menurun tetapi ia meningkat pada tahun 2008 dan tahun 2009 sebanyak 100% berbanding dengan tahun sebelumnya. Naik turun peningkatan penerbitan buku ini banyak bergantung kepada perolehan manuskrip yang diterima oleh pihak penerbit.

Pelbagai langkah dan usaha dilakukan oleh Penerbit UTeM untuk mendapatkan manuskrip dan galakan kepada penulis untuk menghasilkan manuskrip. Antara usaha yang dilakukan ialah:

**1) Mengadakan pelbagai bengkel penulisan.**

Pengenalan bengkel-bengkel ini bukan bermakna meniadakan kepakaran yang telah sedia dimiliki oleh penulis. Kebanyakan penulis UTeM merupakan tenaga muda yang mempunyai banyak idea baru dan juga hasil penulisan yang amat berguna. Tetapi kebanyakan hasil penulisan ini dalam bentuk tesis atau hasil penyelidikan yang pembacanya terhad. Masalah yang selalu dihadapi ialah bagaimana mahu mencermakan idea mereka dalam bentuk manuskrip yang menarik atau bahan penulisan yang menarik agar mampu dikongsi bersama oleh para pembaca yang lain. Apa yang dilakukan oleh Penerbit UTeM hanyalah membantu menunjukkan arah bagaimana mahu mencanai kembali idea itu dalam bentuk yang boleh dikongsi bersama oleh masyarakat. Bengkel-bengkel ini hanyalah sebagai panduan kepada penulis supaya penulisan mereka lebih jelas dan terpandu kepada idea yang mudah digarap. Antara bengkel yang pernah dianjurkan oleh Penerbit UTeM ialah seperti berikut:

**BENGGEL- BENGGEL ANJURAN PENERBIT UTeM**

BIL	NAMA-NAMA BENGGEL	TAHUN
1.	Bengkel Penerbitan Ilmiah	2008
2.	Bengkel Penulisan Jurnal	2008
3.	Bengkel Tesis Ke Buku 2008	2008
4.	Klinik Tesis/Modul Ke Buku Siri 1/2009	2009
5.	Bengkel Penulisan Modul 1/2009	2009
6.	Klinik Tesis/Modul Ke Buku Siri 2/2009	2009
7.	Bengkel Penulisan Monograf	2009
8.	Taklimat Scopus (Journal Selection and Indexing)	2009
9.	Kursus Penulisan Artikel Jurnal (usahasama dengan Pendaftar)	2009
10.	Bengkel Terjemahan Am (B.Melayu-B.Inggris)-(usahasama dengan Pendaftar)	2009



**2) Majlis pelancaran buku**

Penerbit UTeM juga berusaha untuk mengadakan Majlis Pelancaran Buku iaitu Majlis Anjung Bitara yang bermula pada tahun 2009. Dalam majlis ini, setiap penulis yang telah menghasilkan buku, diberi penghargaan dan pemberian royalti sebagai tanda sokongan universiti terhadap hasil penerbitan mereka.


**3) Pemberian royalti**

Mengambil kira hasil penulisan yang telah dihasilkan, tidak ketinggalan juga pemberian royalti kepada setiap penulis. Royalti yang diberikan oleh Penerbit UTeM kepada penulis agak tinggi iaitu 15% daripada hasil jualan buku yang terjual.


**KESIMPULAN**

Adalah menjadi tonggak utama Penerbit Universiti merealisasikan misi utama Penerbit Universti iaitu melahirkan dan menerbitkan penerbitan ilmiah yang berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dan perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi Negara. Disamping memberi tumpuan utama penubuhan IPTA yang lain seperti UTeM adalah untuk memantapkan struktur organisasi pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran supaya penghasilan modal insan dapat dicapai.

**STATISTIK PENERBITAN BUKU - KATEGORI SAINS**



**STATISTIK PENERBITAN BUKU - KATEGORI SAINS TEKNOLOGI**



Disediakan Ruziah binti Ali



# CABARAN JURNAL UTeM ke PERINGKAT ANTARABANGSA


Penulisan adalah salah satu dari kegiatan yang wajib dan tidak boleh tidak dilakukan oleh setiap orang yang bergelut dalam bidang akademik. Sebagai ahli akademik tentunya biasa menghasilkan karya ilmiah berbentuk laporan, karya asli, makalah ilmiah, tesis atau disertasi yang memerlukan masa, tenaga dan juga dana yang bukan sedikit jumlahnya. Walau bagaimana pun, penulisan karya ilmiah dalam bentuk artikel jurnal amat kurang jumlahnya berbanding dengan universiti-universiti lain. Perkara ini merupakan satu kerugian kerana hasil kajian yang banyak dilakukan selama ini tidak dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik sama ada di dalam mahu pun di peringkat antarabangsa.

Penerbit Universiti merancang untuk membawa jurnal-jurnal UTeM ke peringkat antarabangsa dengan memasukkan jurnal-jurnal tersebut ke pangkalan data yang semakin mendapat sambutan di kalangan ahli akademik. Hasil survey yang dilakukan oleh Journal Selection and Indexing SCOPUS mendapati sejak tahun 2007 hingga 2009 Jurnal Malaysia yang diterima di dalam SCOPUS adalah 36 jurnal sahaja. Sebenarnya banyak faktor yang timbul berkaitan masalah ini terutama kemampuan atau ketrampilan untuk menghasilkan tulisan ilmiah mengikut standard antarabangsa.

Sebagai permulaannya langkah pertama yang akan diambil adalah menyetengahkan jurnal-jurnal UTeM ke SCOPUS yang berpangkalan di Netherlands. Antara syarat umum dalam proses menghantar journal ke SCOPUS, Abstrak dan rujukan mestilah di dalam Bahasa Inggeris, artikel jurnal berwasit dan diterbitkan mengikut masa yang ditetapkan. Selain itu, jurnal yang berkaitan perlu mempunyai capaian laman web yang konsisten. Penerbit sentiasa akan membantu staf akademik dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti dengan mengadakan bengkel-pengkel penerbitan ilmiah termasuklah Bengkel Penulisan Artikel Jurnal.

Sehubungan itu, Penerbit Universiti mengharapkan sokongan dari semua pihak terutama ahli akademik UTeM untuk merealisasikan rancangan untuk mengantarabangsakan penerbitan ilmiah di UTeM ini. Tanpa penerbitan ilmiah terutamanya dari staf akademik, pasti akan mengurangkan kebolehan kompetensi keilmuan di UTeM.

Disediakan oleh  
Rahizah



Disediakan oleh  
Jalilah Ali

## PENGURUSAN LATIHAN OLEH PENERBIT UNIVERSITI

Bahagian Pentadbiran & Kewangan merupakan salah satu daripada tiga bahagian utama di Penerbit Universiti yang berfungsi untuk menguruskan hal-hal berkaitan staf, hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan. Selaku salah satu tunjang utama di Penerbit Universiti, Bahagian Pentadbiran & Kewangan telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pentadbiran asas dari segi keperluan dan kebijakan staf serta kewangan secara asas. Walaubagaimanapun, Bahagian ini juga bertindak sebagai pembantu kepada Bahagian Editorial dan Bahagian Teknologi Media dalam menjalankan tugas untuk pembangunan dan kemajuan staf iaitu pengurusan latihan.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan sebelum ini, Bahagian Pentadbiran sentiasa berusaha mendapatkan dan menerima permohonan untuk mengikuti atau menjalankan latihan. Setiap kali penilaian dijalankan, terdapat dua aspek penting yang diambil perhatian iaitu:

- Staf yang memerlukan latihan untuk kemajuan diri dan kerjaya
- Staf perlu menjalani latihan bagi tujuan untuk mendapatkan manfaat, pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang penerbitan.

Untuk menjalankan sesuatu latihan, Bahagian Pentadbiran akan bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain di Penerbit dalam menentukan golongan sasaran dan objektif sesuatu latihan diadakan. Ini bagi memastikan setiap sasaran berkenaan benar-benar menepati kehendak latihan dan tidak hanya menggunakan sumber-sumber tertentu sahaja. Ini disebabkan dalam menjalankan sesuatu latihan, sumber-sumber yang dikenalpasti harus digunakan secara minimum bagi mamastikan impak dan hasil yang positif. Bahagian Pentadbiran akan sentiasa memastikan perbincangan sebelum latihan dijalankan dari masa ke semasa dan sentiasa mendapat maklumbalas dari semua pihak.

Sebagai contoh di UTeM kebanyakan peserta latihan terdiri daripada staf akademik iaitu pensyarah atau tutor dari bahagian kejuruteraan, maka bentuk bahan dan penceramah yang sesuai harus dititiberatkan bagi memastikan setiap peserta mendapat manfaat dari latihan yang dihadiri dan sesuai dengan bidang.

Dari sudut penerbitan, banyak latihan yang diperlukan bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada staf khususnya staf akademik yang terlibat secara langsung dalam menghasilkan buku dan bahan terbitan. Bahagian Pentadbiran tidak ketinggalan memberikan sumbangan berbentuk tenaga, masa dan kepakaran bagi memastikan latihan yang diberikan sentiasa di landasan yang betul dan mengikut tujuan yang telah ditetapkan.

Selain itu, perancangan latihan yang sempurna juga harus dibentuk dari awal oleh Bahagian Pentadbiran sambil disokong penuh oleh bahagian lain dalam menentukan hala tuju latihan berkenaan. Setiap bahagian akan mengembleng tenaga dalam memastikan latihan yang terbaik dapat disampaikan kepada staf.



20 – 22 Februari 2009 : Sasaran Kerja Tahunan (SKT) adalah salah satu medium atau penanda aras bagi mengukur prestasi seseorang pekerja itu. Jika tiada SKT maka haluan seseorang pekerja itu mungkin goyah kerana tiada panduan dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan. Bertepatan dengan maksud itu, maka Penerbit Universiti telah mengadakan Bengkel Pemurnian Sasaran Kerja Tahunan bagi tahun 2009 yang bertempat di Hotel Mahkota Melaka, Bandar Hilir, Melaka. Bengkel ini telah dirasmikan sendiri oleh Dr. Hazmilah binti Hasan, Pengarah Penerbit UTeM. Seramai 15 orang staf termasuk seorang pelajar praktikal telah hadir bersama-sama bagi merangka kerja untuk tahun 2009.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memastikan setiap staf mempunyai aturan kerja sendiri yang telah dirangka bersama-sama dengan ketua unit masing-masing iaitu ketua unit pra-penerbitan, pemasaran, seni reka grafik dan multimedia. Selain daripada itu, pembahagian kerja juga diagihkan mengikut port folio masing-masing bagi menyelaraskan setiap tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada staf di bawah unit-unit tersebut. Tidak lupa juga sasaran yang perlu ditetapkan oleh setiap unit yang ada di Penerbit UTeM bagi mencapai maksud tujuan SKT itu sendiri.

Pada hari pertama bengkel berlangsung, staf Penerbit Universiti telah membincangkan tentang pelan strategik yang dirangka. Pada malamnya, sesi perkongsian maklumat dan pengalaman dari Encik Khalid Mazlan, Ketua Pegawai Penerbitan Penerbit UTM Press telah mengambil tempat. Beliau menerangkan bagaimana menstruktur semula unit-unit yang ada agar lebih tersusun, bagaimana merancang pemasaran yang baik dari segi penjualan buku dan bagaimana UTM mampu memberi daya saing kepada penerbit-penerbit di IPTA tempatan.

Hari kedua sesi berlangsung, Pengarah Penerbit telah membuat sedikit overview bagi sesi pertama yang diadakan semalam. Kemudian perbincangan penstruktur semula pejabat dilakukan agar setiap unit dapat bergerak dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Selain daripada itu, perbincangan mengenai SKT bahagian masing-masing telah dilakukan dan hasilnya dibentangkan dihadapan Pengarah Penerbit bagi memastikan setiap sasaran yang dirancang akan dilaksanakan dengan baik.

Pada hari terakhir bengkel tersebut, Pengarah Penerbit sekali lagi telah membuat sedikit overview bagi sesi pertama dan kedua yang telah dijalankan semalam bagi menyegarkan semula ingatan tentang apa yang telah dibincangkan. Hari terakhir ini, setiap unit telah membuat penggulungan atau satu resolusi yang telah dipersetujui bersama tentang Bengkel Pemurnian Sasaran Kerja Tahunan bagi tahun 2009.


Secara keseluruhannya, bengkel ini telah mencapai objektifnya dan tugas yang telah direncanakan untuk setiap unit atau bahagian telah mempunyai aturannya yang tersendiri dan hanya menunggu peringkat pelaksanaan untuk dijalankan. Semoga Penerbit Universiti mampu menongkah arus penerbitan yang serba mencabar ini.

# SKT

## Penanda Aras Kerja Bagi Staf Penerbit Universiti



## Penerbit UTeM Mulakan Klinik Tesis/Modul ke Buku Siri 1/2009



21-22 Mac 2009 : Dalam merencanakan penulisan ilmiah di UTeM, satu klinik Tesis/Modul ke Buku Siri 1/09 telah diadakan bertempat di Hotel Grand Continental, Melaka. Ia telah dirasmikan oleh Dr. Hazmilah Binti Hasan, Pengarah Penerbit Universiti, UTeM dan ianya merupakan program pertama tahun 2009. Penceramah yang berpengalaman dari Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM telah mengendalikan sesi bengkel ini. Klinik ini telah dihadiri oleh ahli akademik UTeM seramai 20 orang.

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat dan informasi berhubung penghasilan terbitan ilmiah dan memberi pendedahan kepada staf akademik mengenai penulisan tesis ke buku yang dilakukan secara hands-on. Di samping itu, ia menjadi satu pentas perbincangan penerbitan ilmiah dikalangan staf penerbit bagi merungkai permasalahan yang biasa timbul dalam proses pemindahan dari tesis/modul ke buku.

Klinik yang diadakan selama dua hari ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu Sains Sosial dan Sains Teknologi yang dibimbing oleh Encik Zulkipli Bin Abu Bakar untuk kategori Sains Sosial dan Dr. Sharipah Ruzaina Binti Syed Aris bagi kategori Sains Teknologi.

Di hari pertama klinik tersebut, dua orang pensyarah yang di dalam kategori masing-masing telah menerangkan tentang teknik-teknik pemindahan tesis kepada buku, pendokumentasian tesis serta pendokumentasian buku. Pada hari kedua klinik ini berlangsung, para peserta telah diterangkan mengenai syarat kebolehterbitan tesis, syarat kebolehpasaran tesis dan bagaimana menghasilkan produk editorial berkualiti untuk penghasilan buku.

Dalam pada itu, setiap isian slot ini telah diterjemahkan dengan baik oleh dua orang pensyarah tersebut. Dan di harap kerjasama dengan pihak UPENA, UiTM ini dapat diteruskan lagi dengan klinik-klinik serta bengkel-bengkel yang akan diadakan kelak.



## Program Rekreasi Bersama Naib Canselor UTeM.

28 Februari 2009 : Satu Program Rekreasi Bersama Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan di stadium, Kompleks Sukan UTeM. Program yang julung kali diadakan oleh Pusat Sukan ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dr Ahmad Yusoff bin Hassan. Program pertama ini telah dihkaskan untuk Pusat Tanggungjawab (PTj) Canselori dan Penerbit Universiti. Seramai 40 orang staf telah menyertai program tersebut. Objektif program ini adalah agar Naib Canselor dapat mengenali dengan lebih rapat lagi setiap ahli-ahli dalam PTj ini dan memberi peluang kepada ahli PTj berekreasi sambil melihat kawasan kampus dengan lebih dekat lagi. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti berjalan kaki, berjogging, berkanayak dan berakit. Kuiz kecergasan juga telah diadakan di mana empat orang peserta dari PTj Penerbit Universiti telah memenangi kuiz tersebut. Mereka adalah Encik Rais bin Mahat, Encik Shahar bin Akashah (mantan PP Penerbit), Encik Asri bin Abu dan Encik Mohd. Hafizuddin bin Yusof. Program seumpama ini harus diadakan dengan lebih kerap lagi agar proses membudayakan gaya hidup sihat dikalangan staf UTeM dapat diterjemahkan dalam pembangunan UTeM ke arah kecemerlangan sebuah Universiti Teknikal pertama di Malaysia.

## PBAKL2009 Hangat

17 – 26 April : Acara tahunan seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2009 ini sudah semestinya amat dinantikan oleh masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat disekitar Lembah Klang khususnya. Justeru itu, pesta buku ini telah diadakan sekali lagi dilokasi tradisinya, iaitu Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur. Pesta buku ini adalah merupakan kali yang ke – 41 penganjurannya. Ia telah dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam pada hari bekerja dan jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam pada hari minggu. Pameran pada kali ini turut disertai oleh penerbit-penerbit universiti tempatan yang juga merupakan anggota kepada Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) seperti Penerbit UTM, UPSI, UKM, UIAM, UniMAP, UTHM, USM, USIM, UPM, UTM, UM, UUM dan juga turut disertai oleh Penerbit UTeM sendiri seperti pada tahun-tahun sebelumnya. Pameran ini diadakan adalah bertujuan untuk memperkenalkan dan menjual sekaligus mempromosikan hasil-hasil terbitan penerbit universiti tempatan dan penerbit yang berada di Malaysia. Dengan adanya pameran seperti ini, secara tidak langsung penerbit yang masih muda dalam industri penerbitan seperti Penerbit UTeM ini dapat mengambil kesempatan yang ada dengan mempromosi dan memasarkan buku-buku terbitan UTeM kepada masyarakat luar. Selain daripada itu, Penerbit UTeM dapat membina satu hubungan yang kukuh dan kerjasama yang erat di kalangan penerbit-penerbit universiti tempatan yang bernaung di bawah MAPIM mahupun dari organisasi-organisasi penerbitan yang ada di Malaysia. Hasil jualan Penerbit Universiti meningkat dari tahun sebelumnya. Kerjasama yang ditunjukkan oleh petugas-petugas UTeM mahupun petugas dari anggota-anggota MAPIM yang lain adalah amat erat dan akrab. Justeru itu, pesta buku ini merupakan acara tahunan bagi kalendar penerbitan buku Malaysia, dengan mempamerkan pelbagai gaya penerbitan buku, seminar dan forum penerbitan buku.



## Penerbit Universiti Miliki Bangunan Sendiri

9 Mei 2009 : Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Penerbit Universiti telah menganjurkan satu Bengkel Perbincangan Keperluan Ruang Dan Peralatan RMK-10 bagi tahun 2011-2015. Bengkel ini telah diadakan di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka dan dirasmikan oleh Pengarah Penerbit Universiti, Dr. Hazmilah binti Hasan. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua staf Penerbit Universiti seramai 18 orang.

Bengkel ini dianjurkan bertujuan untuk membincangkan tentang pemilikan bangunan sendiri oleh Penerbit Universiti di Kampus Tetap Durian Tunggal. Perbincangan ini perlu dilakukan demi mengorak langkah ke arah memperkembangkan Penerbit Universiti sebagai satu entiti yang dapat berdiri teguh dan berdaya saing dikalangan Penerbit IPTA tempatan. Dengan adanya bangunan sendiri maka agenda-agenda yang telah diatur akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cekap.

Perbincangan yang dilakukan dalam sehari ini telah dimulakan dengan perbincangan antara unit dan hasilnya dibentangkan dalam bentuk pembentangan oleh setiap ketua unit yang ada. Perbincangan ini meliputi kelengkapan pejabat, ruang tempat staf bekerja dan jumlah perjawatan baru untuk Penerbit Universiti bertepatan dengan komposisi pelajar yang bertambah serta bebanan kerja yang meningkat di Penerbit Universiti.

Inisiatif yang diambil oleh Bahagian Pentadbiran & Kewangan, bengkel ini telah mencapai objektifnya dan semoga Penerbit Universiti berjaya menjadi sebuah entiti penerbitan yang terulung setaraf dengan penerbit universiti tempatan lain pada satu hari nanti.



## Kerjasama Erat antara Penerbit Universiti dan MUBARAK Negeri Melaka

29 Jun 2009 : Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama MUBARAK Melaka telah menganjurkan Majlis Anjung Bitara dan Pelancaran Buku MUBARAK Melaka. Majlis yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh Tetamu Kehormat, Pegawai Kanan UTeM, staf UTeM dan pihak media. Upacara gilang gemilang ini telah diadakan di Equatorial Hotel, Melaka dan telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia, Y.B. Datuk Hj. Yaakub bin Md. Amin selaku wakil kepada Ketua Menteri Melaka.

Majlis Anjung Bitara ini diadakan bertujuan untuk melancarkan buku terbitan Penerbit Universiti iaitu Hukum Merokok Dari Perspektif Islam, Review On Statistics dan Journal of Human Capitol Development dan 21 Buah Siri Biografi MUBARAK Melaka. Ia juga bertujuan untuk menghargai penulis-penulis buku terbitan Penerbit UTeM di samping menjadikan ia sebagai satu strategi pemasaran yang berkesan dan mempunyai liputan rangkaian pemasaran yang luas di serata negeri Melaka khasnya dan diperingkat nasional umumnya. Dalam pada itu, seramai lima orang penulis buku telah menerima royalti masing-masing yang disampaikan oleh Y.B. Datuk Hj. Yaakub bin Md. Amin. Antara penerimanya ialah Profesor Mokhtar bin Mohd. Yusof yang kini telah bertugas di Kementerian Pengajian Tinggi, Profesor Marizan bin Sulaiman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Puan Norhashimah binti Mohd Saad dari FKE, Dr. Tay Choo Chuan dari FKE dan Encik Ahmad Ridzwan bin Mohd Noor dari Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan (PBPI). Di majlis yang sama, Y.B. Datuk Hj. Yaakub bin Md. Amin berharap agar usahasama antara MUBARAK Melaka dan Penerbit UTeM tidak berhenti setakat ini sahaja dan dapat diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang dengan menerbitkan buku-buku yang lebih hebat lagi tentang negeri Melaka khususnya. Turut hadir, Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Prof. Dr Ahmad Yusoff bin Hassan, Pengarah Penerbit UTeM, Dr. Hazmilah binti Hasan, YDP MUBARAK, Datuk Hj. Jaafar bin Lajis dan bekas-bekas adun dari MUBARAK Melaka.

Dengan adanya usaha murni seperti ini, diharap ia dapat mencuit hati para pensyarah UTeM untuk bergiat aktif dalam penulisan dan seterusnya menerbitkan hasil karya mereka.

### Penerbit UTeM anjurkan Bengkel Penulisan Modul 1/2009

19 Mei 2009 : Penerbit Universiti, UTeM telah menganjurkan satu Bengkel Penulisan Modul 1/2009 yang bertempat di Hotel Avillion Legacy, Melaka. Bengkel ini telah mendapat sambutan hangat dengan dihadiri seramai 63 orang peserta yang terdiri dari staf akademik UTeM dari pelbagai latarbelakang.

Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan dan galakan kepada ahli akademik berkaitan penulisan modul yang berkesan. Ia juga bertujuan untuk membantu para staf akademik untuk menerbitkan modul yang bersesuaian untuk faedah pelajar-pelajar UTeM. Selain itu, ia memberi ruang kepada ahli akademik untuk berbincang pendapat dan pengetahuan antara peserta di samping dapat menanam minat menulis di kalangan ahli akademik.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Profesor Dr. Rozhan Bin Hj. Muhamed Idrus yang didatangkan khas dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM, Pulau Pinang. Antara pengisian ilmu yang dibawa oleh Prof Dr. Rozhan ialah tentang pengenalan kepada penulisan modul, proses-proses penerbitan modul dan teknik-teknik penulisan modul yang berkesan. Selain daripada itu, satu sesi perbincangan dan soal jawab antara peserta dengan penceramah juga dilakukan bagi menjawab kemusykilan yang wujud dikalangan peserta. Dan dalam pada itu, Dr. Hazmilah Binti Hasan selaku Pengarah Penerbit Universiti telah merasmikan penutupan Bengkel Penulisan Modul 1/2009 ini diakhir bengkel tersebut.

Secara keseluruhannya, objektif bengkel ini tercapai walaupun dalam masa yang singkat, peserta dapat bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari segi pengisian ilmu yang hendak diterapkan di dalam modul untuk sesi pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar UTeM.






Syiham membuat rekaan grafik mural jawi.



Hafidz 'blow-up' design guna projector di dinding



Zul pening kepala...



Adi menampal 'boxboard' di dinding...



Jamal sedang 'trace' bayang imej daripada projektor

program **KHIDMAT MASYARAKAT** menghasilkan mural dinding Sekolah Rendah Agama JAIM Limbongan Melaka. Idea oleh Pengarah Penerbit dan telah dilaksanakan oleh **KECEPER** (Kelab Staf Penerbit) pada 20-21 Disember 2009



Rahzah, Jalilah, Siti dan Ana sedang memotong mask...



Rais sedang mengepalai proses 'puzzle mask'



Ruziah mengepalai kaum hawa membuat 'fill-in' dalam mask...




Disudut lain pula Hafidz dan Adi sedang menyambung puzzle





Staging memang sangat-sangat diperlukan



Sokongan dari Pengarah Penerima



Jalilah, Manis, Ana dan Siti, menunjuk bakat menconteng



Barisan media yang kami gunakan




"Time Out!"

Membuat finishing...




Bahagian dinding terakhir...



AKHIRNYA....



"Time-Out!"




Khidmat sosial kakitangan UTeM patut dicontohi  
Semangat gotong-royong bagi menyempurnakan mural Alwi di dinding Sekolah Agama Kampung Lembangan, Melaka adalah amalan mulia dan perlu dicontohi. Ia adalah hasil usaha kakitangan Universiti Teknikal Malaysia (UteM). Dengan fongos selangkah awal hasil khidmat masyarakat kepada masyarakat di kawasan berkenaan.



# Bengkel Jati Diri, Teambuilding &

# Hari Keluarga Penerbit Universiti



15 – 17 Mei 2009 : Demi menyuburkan semangat kerja yang lebih produktif dan konstruktif, Kelab Ceria Penerbit (KECEPER) di bawah Penerbit UTeM telah mengadakan satu Bengkel Jati Diri, Teambuilding dan Hari Keluarga Penerbit. Bengkel ini telah diadakan di Bukit Merah, Laketown Resort, Taiping Perak. Seramai 18 orang staf Penerbit UTeM dan 30 orang dari kalangan keluarga staf Penerbit telah menghadiri bengkel tersebut yang telah dirasmikan oleh Pengarah Penerbit Universiti, Dr. Hazmilah binti Hasan.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi motivasi dalam membimbing, mendidik dan membantu staf untuk membentuk jati diri yang berjaya. Selain daripada itu, hari keluarga Penerbit juga turut diadakan dan bertujuan untuk merapatkan silaturrahim di antara keluarga dikalangan staf Penerbit Universiti sendiri.

Pada hari pertama bengkel, keluarga yang mengikuti rombongan ini telah dibenarkan membuat aktiviti sendiri manakala staf Penerbit pula mengikuti bengkel yang diadakan seperti yang telah dirancang. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Encik Ahmad Jawahir bin Tugimin, Encik Rosli bin Saadan dan Puan Asiah binti Hj. Mohd. Pilus yang merupakan pensyarah berpengalaman dalam bidang motivasi dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI). Bengkel dimulakan dengan mengukur kelemahan dan kekuatan diri masing-masing, antara tugas dan tanggungjawab serta pendedahan terhadap peserta mengenai disiplin dalam pasukan kerja.

Pada hari kedua, sesi hari keluarga Penerbit UTeM telah mengambil tempat. Pelbagai aktiviti sukaneka telah dijalankan. Aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak telah disediakan seperti mengutip guli, meniup belon sehingga pecah, lari membawa bola dalam sudu dan kepit belon. Bagi yang telah berpasangan aktiviti seperti sayang suami (mencari suami dengan menutup mata), sayang isteri (mencari isteri dengan menutup mata) dan kepit belon. Manakala bagi yang masih solo aktiviti ialah seperti lari sambil kaki terikat, lambung belon air dan kepit belon. Program seperti ini perlu diadakan setiap tahun kerana manfaat yang diperolehi adalah amat besar disamping dapat membina keyakinan yang mantap di dalam diri staf tersebut.



KELAB CERIA PENERBIT



## Usaha Penerbit UTeM dalam Memartabatkan Penulisan Ilmiah

16-17 Jun 2009 : Penerbit UTeM telah kembali dengan menganjurkan satu lagi Klinik Bimbingan Penulisan Tesis/Modul ke Buku untuk siri ke-2 bagi tahun 2009. Klinik ini telah diadakan di Hotel Mahkota, Melaka dan telah dirasmikan oleh Dr. Hazmilah Binti Hasan selaku Pengarah Penerbit UTeM. Seramai 30 orang peserta telah hadir ke klinik ini.

Klinik kali ini adalah lanjutan dari klinik sebelum ini yang memberikan pendedahan kepada staf akademik mengenai penulisan ilmiah secara hands-on dan memberi peluang kepada peserta untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai penulisan ilmiah yang semakin berkurangan di IPTA Malaysia.

Kali ini, Profesor Madya Dr. Mus Chairil Samani dan Dr. Normah Mustafa dari UKM telah mengendalikan klinik tersebut. Sesi pada hari pertama telah dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Mus Chairil Samani dan sesi di hari kedua telah diisi oleh Dr. Normah Mustafa.

Para peserta telah diperkenalkan dengan teknik-teknik pemindahan tesis/modul kepada buku dan beberapa lagi cara pendokumentasian tesis/modul kepada buku. Para peserta telah didedahkan dengan cabaran dan pemasaran penulisan berbentuk ilmiah di Malaysia.

Usaha positif ini sentiasa mendapat sokongan dari pihak pentadbiran UTeM memandangkan pensyarah-pensyarah di UTeM begitu banyak membuat penyelidikan tetapi kurang menterjemahkannya ke dalam bentuk buku. Di harap dengan usaha murni ini, penulisan berbentuk ilmiah dapat berkembang dengan baik di UTeM.

## Perkongsian Pintar antara Penerbit UTeM dan Penerbit USM



24- 25 Jun 2009: Dalam usaha mendewasakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Penerbit UTeM, satu siri lawatan kerja ke Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan. Delegasi Penerbit UTeM yang diketuai oleh Pengarah Penerbit, Dr. Hazmilah Binti Hasan dan seramai 15 orang staf termasuk seorang pelajar praktikal telah disambut baik oleh Pengarah Penerbit USM, Profesor Dato' Md. Salleh bin Yaapar dan staf penerbit yang lain.

Lawatan ini bertujuan untuk mempereratkan hubungan dan mempergiatkan usaha serta mempertingkatkan perkongsian pintar melalui pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh Penerbit USM.

Pengarah Penerbit USM juga telah sudi meluangkan masa beliau dengan memberikan sedikit taklimat serta sesi soal jawab bersama staf Penerbit UTeM di Taman Buku USM mengenai pentadbiran, misi serta rancangan pemasaran jangka panjang mereka untuk mengorak langkah yang lebih jauh lagi dalam bidang ini.

Agenda seterusnya, kami telah di bawa melawat ke bahagian editorial, pengeluaran/pemasaran, seni reka grafik dan multimedia. Kami juga turut di bawa melawat ke arkib buku kepunyaan Penerbit USM di mana terdapat banyak buku-buku ilmiah lama serta bahan media elektronik lama yang masih disimpan dengan baik lagi. Turut di bawa melawat, studio multimedia yang sering digunakan mereka untuk tujuan rakaman suara mahupun rakaman berbentuk audio video.

Sesungguhnya, lawatan perpaduan seperti ini amat perlu bagi sesebuah penerbit yang masih muda seperti Penerbit UTeM. Melalui lawatan sebegini, pelbagai maklumat dapat diperolehi untuk mendewasakan Penerbit UTeM disamping menjalin hubungan kerjasama yang lebih akrab dalam bidang penerbitan. Penerbit UTeM merakamkan setinggi penghargaan kepada Penerbit USM di atas layanan yang baik sepanjang lawatan ini dijalankan.



## Bengkel Penulisan Monograf Dapat Sambutan dari Organisasi Luar

19 Ogos 2009 : Penerbit Universiti telah menganjurkan satu Bengkel Penulisan Monograf yang bertempat di Pusat Konvensyen, UTeM Kampus Bandar. Ia telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor ( Penyelidik & Inovasi) Datuk Profesor Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah. Bengkel ini telah berjaya menarik seramai 41 orang peserta yang terdiri dari staf akademik termasuk tiga wakil luar dari Construction Research Institute of Malaysia (CREAM), Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kampus Kejuruteraan USM Nibong Tebal dan Fakulti Alam Bina UTM. Tujuan utama bengkel ini dianjurkan adalah untuk memberi panduan asas kepada penulis mengenai penyediaan teks Monograf Penyelidikan yang ingin diterbitkan dan dalam pada itu dapat membimbing penulis atau pengarang muda di UTeM supaya lebih proaktif dalam aktiviti keserjanaan, khususnya dalam penerbitan ilmiah. Menurut Timbalan Naib Canselor ( Penyelidik & Inovasi) Datuk Profesor Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, bengkel seperti ini mesti dianjurkan dengan lebih kerap lagi agar dapat merangsang para pensyarah untuk melakukan kajian dan seterusnya menulis sebelum diterjemahkan dalam bentuk monograf. Ini kerana bahan ilmiah seperti ini masih terlalu kurang diterbitkan dan dipasarkan.

Bengkel yang dijalankan selama satu hari ini telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr Mus Chairil Samani dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemahasiswaan, UKM. Para peserta telah didedahkan kepada pengenalan monograf, proses penerbitan monograf dan prinsip serta bagaimana wajah reka bentuk monograf itu sendiri.

Usaha positif ini, telah serba sedikit memberi maklumat yang penting serta mengajar penulis untuk menulis monograf yang lebih mantap dan berkualiti disamping ia menjadi satu pentas diskusi yang terbaik untuk peserta yang terdiri dari pelbagai latarbelakang dan kelayakan akademik. Di harap usaha ini dapat meningkatkan lagi produktiviti penerbitan ilmiah di UTeM setanding dengan universiti-universiti tempatan di Malaysia.

## MALAYSIA MELAKA

## Kursus Penulisan Artikel Jurnal Mendapat Perhatian

20 Oktober 2009 : Satu kursus yang telah dijalankan secara usahasama antara Penerbit Universiti dengan Pendaftar telah dilaksanakan dengan jayanya. Kursus Penulisan Artikel Jurnal yang julung kali diadakan ini telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd. Hafizuddin bin Yusof dan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidik & Inovasi) Datuk Profesor Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah sambil disaksikan oleh Pengarah Penerbit UTeM, Dr. Hazmilah Binti Hasan. Kursus ini telah mendapat sambutan yang hangat dan telah menerima seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada staf akademik daripada pelbagai bidang.

Objektif kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat dan informasi berhubung penghasilan jurnal, memberi pendedahan terutama kepada staf akademik mengenai penulisan jurnal dan untuk memberikan satu platform perbincangan penerbitan jurnal di kalangan staf akademik. Selain daripada itu, ia dapat membantu staf akademik memahami lebih mendalam lagi mengenai fungsi jurnal kepada penulis dan peranan Scopus, ISI dan MyAIS dalam memperkenalkan jurnal penulis ke peringkat antarabangsa.

Di dalam majlis tersebut, Datuk Profesor Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah ada mengingatkan para pensyarah bahawa mereka harus bermula menulis dengan penulisan 'junk paper' kerana melalui 'junk paper' baru penulis akan dapat membuat 'perfect paper' dalam penulisan.

Kursus pada hari itu telah dikendalikan oleh Profesor Dr. Abu Bakar bin Mohamad. Beliau telah didatangkan khas dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Ketua Editor untuk jurnal kejuruteraan di UKM hampir enam tahun. Pada hari tersebut beliau telah menerangkan pemahaman tentang SCOPUS, ISI dan Malaysian Abstracting and Indexing System (MyAIS). Beliau juga menerangkan tentang persediaan sebelum menulis manuskrip dan beberapa tips dalam menulis manuskrip secara saintifik. Sesi soal jawab turut mengambil tempat di akhir kursus ini.



Program Specialised Marketing Mission Sempena Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, Jerman telah diadakan pada 11-16 Oktober 2009 bertempat di Messe Frankfurt, Frankfurt, Jerman. Seramai dua (2) orang delegasi dari UTeM merupakan delegasi Majlis Penerbitan Ilmiah (MAPIM) turut serta dalam program ini. Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Frankfurt telah bertindak sebagai urusetia lawatan. Delegasi UTeM terdiri daripada Dr Hazmilah binti Hasan, Pengarah Penerbit Universiti dan Puan Ruziah binti Ali, Pegawai Penerbitan. Objektif utama program ini adalah untuk menjadikannya sebagai salah satu platform kepada Penerbit Universiti untuk meneroka rangkaian penerbitan ilmiah, ahli akademik, penyelidik, penggiat industri buku, penulis dan pendidik bagi membincangkan pelbagai isu penting berkenaan industri pemasaran dan penerbitan di peringkat antarabangsa. Lawatan telah diadakan di beberapa institut, antaranya:

1. Goethe Institute (Institut Terjemahan Jerman).
2. MATRADE Frankfurt Consulate General of Malaysia (Trade Section)
3. German Publishing Industry Association
4. Bookstore Hugendubel

Prospek bagi tujuan usahasama laman sesawang bagi tujuan pemasaran antarabangsa adalah terdiri dari:

1. Alpha Science International Ltd, United Kingdom
2. Benelux & Greece TELLMEMORE, UK
3. Yale Universiti Press, UK
4. Publishing and Images Online The British Library, UK
5. Cambridge University Press, UK
6. Stobart Davies Limited International Publishers and Booksellers
7. Southeast Asian Studies Univesitat Franfurt Am Main J.W. Goethe-University, Frankfurt/M

Program Specialised Marketing Mission sempena Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, Jerman ini dapat memberi banyak manfaat untuk dikongsi bersama ke seluruh UTeM melalui rangkaian pemasaran maya dan penerbitan bersama bagi kemajuan dan pembangunan universiti terutama pemasaran penerbitan antarabangsa. Namun begitu, Penerbit UTeM sedang memperhalusi segala keperluan berkaitan perundangan sebelum meneruskan usahasama laman sesawang tersebut.



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Taklimat SCOPUS (Journal Selection and Indexing) Anjuran Penerbit UTeM



7 Oktober 2009 : Bertempat di Auditorium UTeM, Bangunan Canselori, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, satu Taklimat Scopus (Journal Selection and Indexing) yang dianjurkan oleh Penerbit UTeM telah diadakan. Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd. Hafizuddin bin Yusof dan taklimat ini telah dirasmikan sendiri oleh Y. Bhg. Dr. Hazmilah binti Hasan selaku Pengarah Penerbit UTeM. Majlis ini telah mendapat sambutan yang baik dan telah dihadiri seramai hampir 50 orang peserta yang terdiri daripada sidang editor jurnal-jurnal UTeM dan ahli akademik. Taklimat Scopus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman ahli akademik dalam pelaksanaan Scopus dan kelebihan-kelebihan yang bakal diperolehi apabila jurnal-jurnal UTeM ini dimasukkan ke dalamnya. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk merangsang ahli akademik untuk melakukan lebih banyak lagi kajian dan penulisan serta seterusnya menukarkannya ke dalam bentuk jurnal dan dimuat naikkan di dalam Scopus. Dengan ini nama pengkaji atau penulis dan nama UTeM secara langsung akan dikenali di peringkat antarabangsa. Taklimat yang diadakan selama dua setengah jam ini telah dikendalikan oleh Ms Jo-An Chia yang didatangkan khas dari Elsevier, Singapura. Beliau telah menerangkan garis panduan dalam menghasilkan jurnal yang baik dan kualiti standard yang diperlukan dalam sesebuah jurnal agar ia dapat ditempatkan di dalam Scopus. Di harap dengan terlaksananya taklimat seperti ini maka ramai ahli akademik UTeM akan membuka mata tentang betapa pentingnya setiap jurnal yang diterbitkan perlu dimasukkan ke dalam Scopus. Memandangkan setiap jurnal yang disenaraikan dalam Scopus akan dapat diakses oleh orang ramai bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia.



# Sambutan Hari Raya UTeM meriah



Pada 14 Oktober 2009 : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Universiti. Majlis sambutan tersebut diraikan oleh semua warga UTeM dalam suasana hari raya yang sungguh meriah. Para pelajar juga turut hadir untuk bersama-sama merasai kegembiraan berhari raya. Majlis Sambutan Hari Raya ini, telah dirasmikan oleh Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob.

Tujuan majlis sambutan ini diadakan adalah untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh warga UTeM. Di samping itu, majlis sambutan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain. Penerbit Universiti telah membuat persiapan seperti membuat kain rentang dan melukis kartun sebagai perhiasan gerai. Selain itu, Penerbit Universiti juga telah menyediakan buah-buahan seperti jambu, tembikai, pisang, limau dan nenas kepada para tetamu. Untuk minuman, jus buah-buahan yang segar disediakan seperti jus epal, jus guava dan jus oren. Segala kerja dilakukan bersama-sama oleh warga Penerbit Universiti dan mendapat sambutan yang sangat meriah daripada para jemputan, para tetamu dan kehadiran Tun Canselor.

Kemeriahan suasana hari raya dirasai sehingga ke penghujung majlis. Majlis berakhir pada pukul 2 petang dalam keadaan yang ceria dan pastinya kegembiraan dirasai oleh seluruh warga UTeM. Semoga majlis sambutan ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang agar kemeriahan dan suasana hari raya dapat diraikan bersama-sama tanpa mengira budaya dan agama. Namun, bukan sahaja Hari Raya Aidilfitri, malah Tahun Baru Cina dan Hari Deepavali juga harus diraikan bersama-sama. Inshaallah....

## Majlis Hari Jadi dan Majlis Perpisahan Staf



Majlis perpisahan pelajar praktikal dan staf yang bertukar ke PTJ lain telah diadakan pada hujung Bulan Mac. Majlis perpisahan ini diadakan untuk menghargai segala jasa mereka yang telah diberikan dan dicurahkan sepanjang berkhidmat di Penerbit Universiti. Sebagai tanda penghargaan, Kelab Ceria Penerbit (KECEPER) menyampaikan cenderahati kepada Encik Shahar bin Akashah, Encik Rahim bin Sulaiman dan Siti Munirah binti Mat Top iaitu pelajar praktikal di Penerbit Universiti. Semoga mereka semua dirahmati oleh Allah s.w.t ketika berkhidmat di tempat baru.

Majlis Hari Jadi Staf juga diadakan untuk meraikan staf-staf Penerbit Universiti. Pada peringkat pertama ini, majlis diadakan untuk staf yang menyambut hari jadi antara bulan Januari sehingga bulan Mac. Antara staf yang diraikan pada peringkat ini adalah Cik Hanisah, Puan Zuhana dan Encik Mohd. Hafizuddin. Acara memotong kek dan penyampaian hadiah kepada mereka diadakan dengan meriah dan dalam suasana yang sangat ceria. Didoakan agar mereka dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki sentiasa oleh Allah s.w.t.

Manakala, sambutan Majlis Hari Jadi staf untuk peringkat kedua telah diadakan pada bulan Ogos. Pada peringkat kedua ini, majlis meraikan staf yang menyambut hari jadi antara bulan April sehingga bulan Ogos. Mereka yang diraikan adalah Pengarah Penerbit, Dr Hazmilah, Encik Asri, Puan Rahizah, Encik Nurhafidz, Encik Rais, Encik Mohd Kharul Anuar, Encik Jamal, Encik Ahmad Masmuliyadi, Encik Mohd. Syiham dan Cik Yang Chik. Majlis ini juga disertai dengan bacaan doa selamat, upacara memotong kek dan penyampaian hadiah kepada mereka yang dirai.

Majlis seperti ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf-staf penerbit di samping untuk mencerikan lagi suasana bekerja. Semoga majlis-majlis ini diberkati oleh Allah s.w.t dan semua staf mendapat rahmat daripadanya.





**Cik Yang Chik binti Abdul Rahman I**

Cik Yang Chik binti Abdul Rahman telah melaporkan diri di Penerbit Universiti pada 21 Julai 2008. Memulakan khidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di UTeM pada tahun 2001 hingga Jun 2006 di Pejabat Canselori, kemudian bertugas di Pusat Komputer pada Julai 2006 hingga Julai 2008. Beliau yang memegang nombor staf 00011 adalah antara warga yang terawal dalam penubuhan UTeM.

**Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof II**

Akhir tahun 2008, Penerbit UTeM telah menerima seorang staf baru. Beliau ialah Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof. Beliau telah melaporkan diri sebagai Penolong Pegawai Penerbitan N27 pada 9 Disember 2008. Telah diletakan di bawah unit pra penerbitan. Tugas utama beliau ialah membantu Pegawai Penerbitan dalam meningkatkan penerbitan buku di UTeM. Graduan dari UiTM ini mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan Kepujian di dalam Penerbitan.

**Encik Syiham Akmal bin Sabah@Saaban III**

Berusia 28 tahun dan berasal dari Parit Sulong, Johor. Beliau ialah Encik Mohd. Syiham bin Sabah@Saaban. Berpendidikan di dalam Diploma Multimedia. Beliau mempunyai pengalaman selama enam tahun dalam bidang graphic design. Kini beliau sedang berkhidmat di Penerbit UTeM sebagai Penolong Pegawai Senireka B27. Beliau diletakan di bawah unit pra penerbitan.

**Puan Siti Muhaini binti Shaari IV**

Puan Siti Muhaini binti Shaari telah melaporkan diri di Pejabat Penerbit UTeM pada 16 Mac 2009. Beliau berasal dari Kelantan dan telah pun mempunyai seorang cahaya mata. Merupakan graduan UiTM, lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Kepujian dalam Pemasaran. Pernah berkhidmat di Medicare Kidney Charity Fund (MAA) sebagai Pegawai Operasi selama tiga tahun. Kini, berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penerbitan N27 di bawah unit pemasaran. Skop utama beliau membantu Pegawai Penerbitan dalam merencanakan pemasaran buku.

**Cik Jalilah binti Ali V**

Cik Jalilah binti Ali telah dilahirkan di Kg. Rumbia, Alor Gajah, Melaka. Pernah berkhidmat di Pejabat Pendaftar sebagai Penolong Pendaftar (PP) selama setahun. Bekas (PP) Pejabat Pendaftar ini telah mendapat pendidikan tinggi dari UPM dalam bidang Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia. Kini beliau berkhidmat di Pejabat Penerbit UTeM pada 1 April 2009 yang lalu sebagai Penolong Pendaftar N41 bagi menggantikan Encik Shahar yang telah berpindah ke Perpustakaan UTeM. Beliau juga melahirkan rasa syukur kerana dapat berkhidmat di bawah Penerbit Universiti.

**Encik Mohd Kharul Anuar bin Raduan VI**

Encik. Kharul Anuar bin Raduan telah melaporkan diri pada 1 April 2009. Beliau merupakan lulusan MRSM Terendak. Sudah berkahwin dan telah mempunyai seorang anak. Mempunyai pengalaman selama 5 tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pembantu Tadbir (PO) N17. Dan kini menjawat jawatan sebagai Pembantu Penerbitan N17 di Penerbit UTeM.

**Encik Muhamad Jamal bin Ramli VII**

Pada 16 April 2009 yang lalu, Penerbit Universiti telah menerima seorang ahli keluarga yang baru bagi menggantikan Encik Rahim bin Sulaiman yang telah berpindah ke Pejabat Pendaftar. Beliau adalah Encik Jamal bin Ramli. Beliau sebelum ini telah berkhidmat hampir tujuh tahun di Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi bermula tahun 2003 hingga Mac 2009 sebagai Pembantu Am Pejabat (PAP). Kini, beliau akan menggalas tugas PAP merangkap Pembantu Juru Video di Penerbit Universiti.






# BENKEL PENGENDALIAN KAMERA MCP MULTIPLE CAMERA PRODUCTION

Pada 14-16 Julai 2009, Penerbit UTeM dengan kerjasama Unit Latihan, Pejabat Pendaftar telah mengadakan bengkel pengendalian kamera MCP. Sesi selama 3 hari ini telah mendapat khidmat kepakaran dari syarikat Pro Lens Production. Seramai 9 orang staf dari pelbagai PTJ telah dijemput untuk menghadiri bengkel ini. Kebanyakan staf ini mempunyai latarbelakang dalam bidang audio dan video di UTeM.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah sebagai persediaan untuk menghadapi Majlis rasmi universiti khususnya Majlis Konvokesyen. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan kumpulan staf yang akan mengendalikan sistem MCP untuk majlis-majlis rasmi UTeM akan datang termasuk Majlis Konvokesyen Universiti.

Bengkel ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Kampus Bandar UTeM bermula pada 14 hingga 15 Julai 2009, sebelum di bawa ke Program secara langsung Majlis Anugerah Sukan UTeM di Auditorium Kampus Induk, Durian Tunggal pada 16 Julai 2009.

Berbekalkan 90% pratikal dan 10% teori, bengkel ini telah berjaya memberikan input yang sangat berguna buat semua peserta serta MCP Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti telah dijayakan oleh kumpulan ini.



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada 27-28 April 2009, Penerbit UTeM dengan kerjasama Unit Latihan, Pejabat Pendaftar telah mengadakan Bengkel Rekaletak dan Rekabentuk Grafik. Bengkel selama 2 hari ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh staf Penerbit sendiri khususnya daripada Bahagian Teknologi Media iaitu Encik Nurhafidz bin Abdul Sahak, Encik Rais bin Mahat, Encik Zulkifli bin Maskuri dan Cik Hanisah binti Hamdzah.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk mendedahkan kaedah-kaedah dan teknik-teknik terbaik untuk menghasilkan rekabentuk dan rekaletak grafik menggunakan perisian Adobe Illustrator dan PhotoShop. Selain mempelajari kaedah penyuntingan imej, peserta juga didedahkan dengan teknik menyusun elemen-elemen rekabentuk grafik dengan betul. Tidak ketinggalan juga kaedah menerapkan unsur kesenian di dalam rekaletak yang dibangunkan supaya kelihatan menarik dan profesional.

Bengkel ini telah diadakan di Makmal e-Learning, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran di Kampus Bandar. Ia telah menarik minat seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada staf UTeM sendiri termasuk pensyarah.

Bengkel ini mampu memberikan input yang sangat berguna dengan mempraktikkan kaedah 'Hands-on' buat semua peserta yang mengikuti bengkel ini.



bengkel  
**REKA** letak & bentuk grafik

2009

KOMPOSISI TEKS/HURUF flush left flush right centered justified  
contoured shaped run / wrap around  
saiz huruf point pica leading kerning ASCENDER DECENDER  
learning mondrian rebus alphabetical  
inspire centred header copy masthead **FORMAT REKALETAK**  
special effect brushes stroke live  
tracing silhouette concept reversed  
ADOBE PhotoShop & Illustrator





UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Sidang Redaksi**  
penasihat  
ketua editor  
**DR. HAZMILAH HASAN**  
**RUZIAH ALI**

penolong  
ketua editor  
**MOHD HAFIZUDDIN YUSOF**

editor **RAHIZAN ABDUL RAHMAN** **JALILAH ALI**  
grafik & rekaletak **NURHAFIDZ ABDUL SAHAK**

**pembaca pruf** **YANG CHIK ABDUL RAHMAN** **AZRUL IZMAN KAMARULZAMAN**  
**HANISAH HAMDZA** **RAIS MAHAT** **SITI MUHAINI SHAARI**  
**AHMAD MASMULIYADI** **MOHD YUSOF** **ZUHANA JOHARI**

**jurufoto** **ASRI ABU** **ZULKIFLI MASKURI**  
**MOHD ALWI ABDUL HAMID** **MUHAMMAD JAMAL RAMLI**  
**MOHD SYIRAM AKMAL SABAH @ SAABAN**  
**MOHD KHARUL ANUAR RAOUAN**

